



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SARJAN MEJAR (B) SALLEHUDDIN
BIN OMAR SEBAGAI SEORANG ANGGOTA KOMANDO VAT 69 MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU SEMASA DI DALAM OPERASI JEMPOL TIGA (3) DI
KALIMANTAN, INDONESIA PADA TAHUN 1971**

DISEDIAKAN OLEH:

**MD AZRI DZHIYA UL-HAQ BIN MD AZIZ
MUHAMMAD BIN BAHARUDIN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR604: ORAL DOCUMENTATION
SEMESTER 5 (SEPTEMBER – DISEMBER 2014)**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami disepanjang proses kami menyiapkan tugas penulisan transkrip subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang telah diberikan kepada kami dengan jayanya pada waktu yang telah ditetapkan. Dikesempatan ini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat Sarjan Mejar (B) Sallehuddin bin Omar diatas kesudian beliau untuk ditemuramah, segala perkongsian maklumat, kerjasama dan jasa baik yang telah diberikan disepanjang proses temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Kami juga amat berbesar hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat Puan Azura Kamaruzzaman yang merupakan pensyarah IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan kami kerana tidak pernah berputus asa dalam memberi sokongan moral, dorongan dan nasihat yang berterusan kepada kami dari awal perbincangan hingga ke akhir transkrip sejarah lisan ini dibukukan. Akhir kata, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, keluarga, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami membukukan transkrip sejarah lisan ini. Allah sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	M/S
PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA	4
3.0 LOG WAWANCARA	64
4.0 BIODATA TOKOH	68
5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	70
6.0 RALAT	82
7.0 SENARAI RUJUKAN	83
8.0 LAMPIRAN	84
9.0 INDEKS	87

Abstrak: *Transkrip sejarah lisan ini mengandungi wawancara saya Muhammad Bin Baharudin bersama Md Azri Dzhiya Ul-Haq Bin Md Aziz bersama SM (B) Sallehuddin Bin Omar yang merupakan bekas seorang anggota Komando VAT 69 mengenai pengalaman beliau semasa di dalam operasi OPS Jempol Tiga di Kalimantan Indonesia. Transkrip wawancara ini direkodkan bertempat di Pusat Latihan Polis Gerakan AM Ulu Kinta Perak Darul Ridzuwan pada 12 disember 2014 bermula jam 6.05 petang. Beliau merupakan salah seorang anggota rekrut pertama Komando VAT 69 yang ditubuhkan pada tahun 1969 dan mempunyai banyak pengalaman dan kejayaan di dalam operasi-operasi menjejak dan menghapuskan komunis di dalam negara dan juga luar negara. Beliau juga merupakan seorang pakar letupan di dalam Pasukan VAT 69. Transkrip wawancara ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau dan keluarga serta mengenai pengalaman-pengalaman beliau sepanjang berkhidmat sebagai seorang anggota keselamatan negara. Wawancara ini menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui semasa di dalam Operasi Jempol Tiga di Kalimantan Indonesia. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh terlibat dengan pasukan Komando VAT 69, jenis-jenis latihan dan misi pertama beliau selepas tamat latihan. Selain itu, beberapa pendapat dan harapan beliau mengenai Pasukan Komando VAT 69 yang ada pada masa kini dan untuk masa akan datang dan juga sedikit nasihat beliau terhadap golongan-golongan muda pada masa ini.*

1.0 PENGENALAN



Pasukan Komando Very Able Trooper 69 atau lebih dikenali dengan nama singkatan Komando VAT69 merupakan satu pasukan Komando Cawangan Khas Polis Di-Raja Malaysia (SM(B)S ORM) yang ditubuhkan pada tahun 1969 berpangkalan di Markas Briged Utara Ulu Kinta Perak. Pada awal penubuhan pasukan Komando VAT 69, ia merupakan satu projek khas yang ditubuhkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu hasil daripada cetusan idea Allahyarham Tun Dr. Ismail yang merupakan Menteri Dalam Negeri pada masa itu. Ianya ditubuhkan khusus untuk menangani segala aktiviti komunis yang sedang berada di puncak aktivitinya pada masa itu dan Pasukan Komando VAT 69 ini akan dikawal selia oleh Ketua Polis Negara. Pada bulan Oktober 1969, seramai 60 orang daripada 1600 pegawai dan anggota Pasukan Polis Hutan PPH (sekarang Pasukan Gerakan Am, PGA) dipilih untuk menjalani latihan asas Komando VAT 69. Nama Pasukan Komando VAT 69 ini di ambil sempena dengan tahun pasukan ini ditubuhkan iaitu tahun 1969.